KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 20 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **DEWAN RAKYAT: KPWKM TAMBAH BAIK GARIS PANDUAN TANGANI KES DERA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/dewan-rakyat-kpwkm-tambah-baik-garis-panduan-tangani-kes-dera-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630161/berita/nasional/kes-dera-subjek-stem-miskin-tegar-tumpuan-dewan-rakyat | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/19/kes-dera-subjek-stem-dan-miskin-tegar-jadi-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1166870/kes-dera-subjek-stem-dan-miskin-tegar-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/child-abuse-and-stem-subjects-among-focus-of-parliament-thursday-CC11644886 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/19/child-abuse-stem-subjects-focus-of-parliament-today | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/467518 | THEMALAYSIAINSIGHT.COM |
| | https://www.businesstoday.com.my/2023/10/19/child-abuse-stem-subjects-among-issues-to-be-discussed-in-parliament-today/ | BUSINESSTODAY.COM.MY |
| | https://themalaysianreserve.com/2023/10/19/child-abuse-and-stem-subjects-among-focus-of-parliament-thursday/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-dera-kanakkanak-subjek-stem-dan-miskin-tegar-tumpuan-dewan-rakyat-442450 | ASTROAWANI.COM |
| | https://tvstv.my/2023/10/19/kes-dera-kanak-kanak-subjek-stem-dan-miskin-tegar-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/ | TVSTV.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kes-dera-kanakkanak-jadi-tumpuan-di-dewan-rakyat-x8oxtyb | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kes-dera-kanak-kanak-subjek-stem-dan-miskin-tegar-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini-PC11645093 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2236359 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KPWKM PERKEMAS PASUKAN PENGUATKUASA ATASI ISU PENDERAAN** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-perkemas-pasukan-penguatkuasa-atasi-isu-penderaan/ | BULETINTV3.MY |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **JKM BINCANG DENGAN KDN, PDRM CADANGAN WAJIBKAN SARINGAN PENGASUH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630189/berita/nasional/jkm-bincang-dengan-kdn-pdrm-cadangan-wajibkan-saringan-pengasuh | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2236387 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1166941/jkm-kdn-pdrm-bincang-perketat-saringan-calon-pengasuh-kanak-kanak | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penderaan-jkm-kdn-pdrm-akan-bincang-perketat-saringan-calon-pengasuh-nancy-442459 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/467543 | THEMALAYSIAINSIGHT.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/saringan-calon-pengasuh-kanak-kanak-diperketat-nancy/ | BULETINTV3.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/10/saringan-ketat-calon-pengasuh-jalani-ujian-psikometrik/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021591/perhalusi-panduan-wajibkan-saringan-ketat-pengambilan-pengasuh-taska | HMETRO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/71422-jkm-akan-bincang-cadangan-wajibkan-saringan-keselamatan-untuk-pengasuh | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2236387 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/jkm-bincang-dengan-kdn-pdrm-cadangan-wajibkan-saringan-pengasuh-HC11645673 | THESUNDAILY.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/19/jkm-akan-bincang-syor-saringan-untuk-jadi-pengasuh/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/jkm-discusses-proposal-with-kdn-pdrm-on-mandatory-screening-of-babysitters-FC11645550 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.utusansarawak.com.my/?p=48151 | UTUSANSARAWAK.COM.MY |
| | https://selangorjournal.my/2023/10/welfare-dept-to-discuss-babysitters-mandatory-screening-with-kdn-cops/ | SELANGORJOURNAL.MY |

20/10/2023

| | | |
|---|---|---|
| | https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2023/10/968855/social-welfare-dept-proposing-mandatory-screening | NST.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/683397 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/19/govt-to-tighten-screening-of-babysitters-at-taska-daycare-centres-says-nancy | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=dbousNA9lCM | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=9ORuQamXCVs | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=zoacs-Kh-No | YOUTUBE |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/19/mgnews-jkm-garis-langkah-penambahbaikan-untuk-atasi-penderaan-kanak-kanak-di-taska/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/19/jkm-to-discuss-mandatory-babysitter-screening-with-police-home-ministry | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **MINISTER NANCY SHUKRI SAYS TACKLING CHILD ABUSE CHALLENGING AS CASES HAPPEN IN HOMES, PUBLIC UNAWARE OF LAWS** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/19/minister-nancy-shukri-says-tackling-child-abuse-challenging-as-cases-happen-in-homes-public-unaware-of-laws/97161 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **GLC CAPAI SASARAN 60% WANITA KEMBALI KERJA, KATA NANCY** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/19/glc-capai-sasaran-60-wanita-kembali-kerja-kata-nancy/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **DADAH, ALKOHOL, MASALAH KELUARGA PUNCA KANAK-KANAK DIDERA - MENTERI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=eej2HQuDvpg | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **NANCY: WOMEN HOLD 38.8% OF DECISION-MAKING POSITIONS IN PUBLIC SECTOR** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/19/nancy-women-hold-388-of-decision-making-positions-in-public-sector | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/969038/private-sector-still-behind-advocating-women-leadership-role-says-nancy | NST.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/19/nancy-shukri-388pc-of-decision-making-positions-in-public-sector-held-by-women/97272 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2236641 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167240/388-peratus-wanita-pegang-jawatan-peringkat-pembuat-keputusan-di | BHARIAN.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/10/38-8-peratus-wanita-pegang-jawatan-pembuat-keputusan-di-sektor-awam/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.sinardaily.my/article/211056/malaysia/national/388-per-cent-of-decision-making-positions-in-public-sector-held-by-women---nancy | SINARDAILY.MY |
| | https://tvstv.my/2023/10/19/38-8-peratus-wanita-pegang-jawatan-peringkat-pembuat-keputusan-di-sektor-awam/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **NANCY SHUKRI: FEDERAL GOVT TAKING STEPS TO STRENGTHEN MARRIAGE, FAMILY INSTITUTION** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/19/nancy-shukri-federal-govt-taking-steps-to-strengthen-marriage-family-institution/97108 | MALAYMAIL.COM |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **PARLIMEN: TIADA TITIK BUTA CCTV SYARAT WAJIB OPERASI TASKA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/parlimen-tiada-titik-buta-cctv-syarat-wajib-operasi-taska/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://harapandaily.com/kerajaan-akan-perketat-peraturan-cctv-di-taska-tangani-risiko-penderaan-kanak-kanak/ | HARAPANDAILY.COM |
| | https://www.suarakeadilan.my/post/wajibkan-pemasangan-cctv-kurang-risiko-penderaan-di-taska-kpm | SUARAKEADILAN.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **IBU BAPA PERLU CAKNA KUALITI PERKHIDMATAN DISEDIAKAN TASKA** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/10/1166884/ibu-bapa-perlu-cakna-kualiti-perkhidmatan-disediakan-taska | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **KANAK-KANAK MANGSA DERA KINI DI BAWAH JAGAAN JKM** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630258/berita/semasa/kanak-kanak-mangsa-dera-kini-di-bawah-jagaan-jkm | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/kanak-kanak-mangsa-dera-kini-di-bawah-jagaan-jkm/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SUAMI ISTERI KERJA SIANG MALAM DEMI DUA ANAK OKU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/suami-isteri-kerja-siang-malam-demi-dua-anak-oku/ | KOSMO.COM.MY |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **PPDK SPT RAI PENGLIBATAN OKU DALAM KOMUNITI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ppdk-spt-rai-penglibatan-oku-dalam-komuniti/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **BEKAS ASNAF BUKA PONDOK SEDEKAH, BANTU KELUARGA MISKIN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/bekas-asnaf-buka-pondok-sedekah-bantu-keluarga-miskin/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **ANALISIS: TANGANI ISU ANAK SEMATA TIDAK SELESAIKAN MASALAH TENAGA KERJA WANITA** | |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/analisis-tangani-isu-anak-semata-tidak-selesaikan-masalah-tenaga-kerja-wanita-GC11645065 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **MORE NEEDED TO ADDRESS BARRIERS WOMEN FACE IN REJOINING WORKFORCE: EXPERTS** | |
| | https://www.thesundaily.my/local/more-needed-to-address-barriers-women-face-in-rejoining-workforce-experts-KC11644925 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/99483/more-needed-to-address-barriers-women-face-in-rejoining-workforce-say-experts | THEVIBES.COM |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **MENGAKU TAK KEMUKA PENYATA PENDAPATAN, WANITA RAYU TIDAK DIPENJARA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630180/berita/semasa/mengaku-tak-kemuka-penyata-pendapatan-wanita-rayu-tidak-dipenjara | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **WANITA PANDU LAWAN ARUS, LELAKI KENA REMPUH SUDAH BERI KETERANGAN - POLIS** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1166915/wanita-pandu-lawan-arus-lelaki-kena-rempuh-sudah-beri-keterangan-polis | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **DITANGKAP KHALWAT: BERI ALASAN TUMPANG TIDUR, DEKAT TEMPAT KERJA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ditangkap-khalwat-beri-alasan-tumpang-tidur-dekat-tempat-kerja-442457 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630165/edisi/utara/alasan-tumpang-tidur-rumah-teman-wanita-dekat-tempat-kerja | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021532/dicekup-berkhalwat-lelaki-bagi-alasan-menumpang-untuk-mudah-ke-tempat-kerja | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **PARLIMEN: DUA AKTA TIDAK TERPAKAI KEPADA PESALAH KANAK-KANAK DALAM TAHANAN PENJARA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/parlimen-dua-akta-tidak-terpakai-kepada-pesalah-kanak-kanak-dalam-tahanan-penjara/ | UTUSAN.COM.MY |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **MENANGANI PENYAKIT KULIT DALAM KALANGAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.astroawani.com/gaya-hidup/menangani-penyakit-kulit-dalam-kalangan-kanakkanak-442420 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **31 KANAK-KANAK TAHANAN LIMPAH SULTAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1166930/31-kanak-kanak-tahanan-limpah-sultan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **KANAK-KANAK PERLU DIBANTU FAHAMI KONFLIK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/kanak-kanak-perlu-dibantu-fahami-konflik/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **AUDIT PENGAMBILAN KERJA OKU DALAM PERKHIDMATAN AWAM, GESA AKTIVIS** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/19/audit-pengambilan-kerja-oku-dalam-perkhidmatan-awam-gesa-aktivis/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **BOMOH MENGAKU SALAH CABUL REMAJA KONON MAHU BUANG PENDAMPING** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/bomoh-mengaku-salah-cabul-remaja-konon-mahu-buang-pendamping/ | KOSMO.COM.MY |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **ALLEGED ABUSED 8-YR-OLD BOY RECOVERS AT SULTANAH AMINAH HOSPITAL; FATHER AND GIRLFRIEND IN POLICE CUSTODY** | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/10/968930/alleged-abused-8-yr-old-boy-recovers-sultanah-aminah-hospital | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **IBU BERSALIN DALAM LORI DI LPT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/ibu-bersalin-dalam-lori-di-lpt/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630303/berita/semasa/doktor-kongsi-pengalaman-sambut-bayi-dalam-treler-di-lpt | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **USAH TERIMA CADANGAN WANITA BOLEH MENIKAHKAN DIRI SENDIRI TANPA WALI - MUFTI PERLIS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1021710/usah-terima-cadangan-wanita-boleh-menikahkan-diri-sendiri-tanpa-wali-mufti | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **AKTIFKAN KUNCI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI KENDERAAN, ELAK ANAK TERCAMPAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/19/aktifkan-kunci-keselamatan-kanak-kanak-di-kenderaan-elak-anak-tercampak/ | KOSMO.COM.MY |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **FESTIVAL MUZIK WANITA PERTAMA DI MALAYSIA** | |
| | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/10/1167164/festival-muzik-wanita-pertama-di-malaysia | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **KANAK-KANAK TERCAMPAK KELUAR KERETA: IBU BAPA TAMPIL BERI KETERANGAN POLIS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021736/kanak-kanak-tercampak-keluar-kereta-ibu-bapa-tampil-beri-keterangan-polis | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/ibu-bapa-kepada-kanak-kanak-jatuh-semasa-kereta-buat-pusingan-u-sudah-beri-keterangan-polis/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630263/berita/semasa/ibu-bapa-kanak-kanak-jatuh-kereta-beri-kerjasama-bantu-siasatan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **NELAYAN MENGAKU SALAH CABUL ANAK SAUDARA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1167067/nelayan-mengaku-salah-cabul-anak-saudara | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **WARIS KANAK-KANAK MAUT KEMALANGAN BAKAL DAPAT PAMPASAN INSURANS NEGERI** | |
| | https://selangorkini.my/2023/10/waris-kanak-kanak-maut-kemalangan-bakal-dapat-pampasan-insurans-negeri/ | SELANGORKINI.MY |

20/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 34 | MAYAT WARGA EMAS DITEMUI DALAM RUMAH BERKUNCI | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-warga-emas-ditemui-dalam-rumah-berkunci/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 35 | 19 OKT 2023 - BERITA WILAYAH - PUSAT JAGAAN WARGA EMAS: TINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN WARGA EMAS | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=d6tQ-Pkao0Y | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 36 | WARGA EMAS MAUT TERCAMPAK DI BESI PEMBAHAGI JALAN | |
| | https://suaramerdeka.com.my/warga-emas-maut-tercampak-di-besi-pembahagi-jalan/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |
| | https://www.melakahariini.my/warga-emas-maut-motosikal-terbabas/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 37 | KPM PROAKTIF JAMIN KESELAMATAN PELAJAR MELALUI KOD SUKAN SELAMAT | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167221/kpm-proaktif-jamin-keselamatan-pelajar-melalui-kod-sukan-selamat | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/630333/berita/nasional/kpm-proaktif-jamin-keselamatan-pelajar-melalui-kod-sukan-selamat | SINARHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AJAR ANAK CINTAI BUDAYA TEMPATAN DEMI KUKUHKAN JATI DIRI BANGSA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ajar anak cintai budaya tempatan demi kukuhkan jati diri bangsa

**Nur Atikah Ayuni Abdullah,**
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**Perkembangan** teknologi semasa mengubah dunia menjadi kampung kecil dengan setiap orang membincangkan hal serupa, meminati seni yang sama hingga menjadikan setiap kita hampir hilang keunikan.

Hal ini perlu diperbaiki dengan satu daripadanya adalah memperkemaskan jati diri dan memperkasakan budaya setiap bangsa.

Rasa cinta kepada budaya tempatan perlu dipupuk dan dimulakan pada peringkat awal. Misalnya jika kanak-kanak 80-an atau 90-an masih berpeluang bermain galah panjang atau ketingting, tetapi pengalaman itu mungkin tidak dikongsi anak zaman milenium.

Mereka mungkin lebih banyak menghabiskan masa lapang dengan bermain aplikasi permainan dalam telefon bimbit sehingga semangat cintai budaya tempatan tidak diendahkan dan ditepis begitu sahaja. Malah mereka mungkin tidak tahu pun permainan galah panjang atau konda kondi.

Oleh itu, penting untuk kita sebagai ibu bapa mendedahkan mereka dalam mengenali warisan budaya sejak muda. Dalam hal ini ibu bapa dan sekolah perlu memainkan peranan utama beri didikan budaya secara meluas kepada kanak-kanak.

Umum mengetahui perkataan budaya merangkumi aspek agama dan bangsa yang wujud sejak azali dan diwarisi turun-temurun. Budaya tempatan di negara Malaysia bukan satu atau dua, malah lebih daripada itu.

Jadi, tidak salah untuk sekolah berusaha mewujudkan suasana cintai budaya tempatan dengan mengadakan sambutan perayaan setiap bangsa. Misalnya adakan jamuan atau keraian untuk sambutan Aidilfitri, Tahun Baharu Cina juga Deepavali. Malah tidak salah untuk turut meraikan Gawai dan Kaamatan.



Ia adalah usaha kecil untuk anak-anak memahami dan mengenali warisan budaya tempatan, selain mengeratkan lagi hubungan berlainan bangsa, sekali gus dapat merasakan kenikmatan pelbagai juadah makanan berdasarkan perayaan masing-masing.

Malah ia tentu saja selari dengan usaha dibuat kerajaan pada peringkat Persekutuan setiap kali tiba musim perayaan.

## Luang masa bersama anak

Dalam pada itu ibu bapa perlu turut serta, apatah lagi mereka adalah teladan utama kepada anak-anak. Mereka juga perlu menyediakan informasi kepada anak mengenai warisan tempatan yang lain misalnya permainan tradisional seperti congkak, guli, gasing atau tuju selipar.

Ibu bapa perlu meluangkan masa lapang dengan beriadah bersama anak, mengehadkan masa bersama telefon pintarnya, malah mereka juga perlu membuat perkara sama.

Jika tidak permainan tradisional, perkenalkan mereka dengan warisan seni tari kita. Hampir setiap bangsa mempunyai warisan seni tari sendiri, orang Melayu dengan tarian asyik misalnya atau zapin masyarakat Cina dengan tarian kipas begitu juga dengan kaum lain yang mempunyai keunikan sendiri.

Perkongsian informasi begitu sebenarnya meninggalkan bekas pada hati anak-anak. Dalam perjalanan menuju dewasa dan kemudian mempunyai keluarga sendiri, ingatan mereka terhadap didikan ibu bapa akan kembali segar. Pada masa itulah mereka juga akan berkongsi dengan anak pula.

Budaya tempatan perlu terus dilestarikan di setiap generasi kerana dikhuatiri perkembangan, teknologi semasa akan meragut identiti dan jati diri bangsa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURULATIH MUAY THAI MENGAKU BERSALAH KES AMANG SEKSUAL | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jurulatih Muay Thai mengaku bersalah kes amang seksual

**Melaka:** Seorang jurulatih Muay Thai mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini semalam, atas empat pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas seorang remaja kononnya bagi mengubati sihir.

Tertuduh, Zemi Rahim, 50, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan berkenaan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut empat pertuduhan itu, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas seorang remaja perempuan berusia 16 tahun dan 2 bulan di kawasan semak di Jalan Taman Malim Jaya serta perindustrian berdekatan sebuah pasar raya di Cheng masing-masing pada awal, pertengahan dan akhir September serta 9 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat, jika sabit kesalahan, bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, mahkamah menangguhkan prosiding fakta dan hukuman ke 3 November depan selepas dimohon Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Nazrin Ali Rahim, bagi menyediakan fakta kes.

Pendakwaan juga tidak menawarkan sebarang jaminan kepada tertuduh yang tidak diwakili peguam bela.



*Zemi dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.*
(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KENA 5 TAHUN, SEBAT CABUL REMAJA SELEPAS BANTU MANGSA DIKEJAR ANJING | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kena 5 tahun, sebat cabul remaja selepas bantu mangsa dikejar anjing




*Vandy dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar, semalam.*
(Foto Alias Abd Rani/BH)

**Muar:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman lima tahun penjara dan dua sebatan terhadap seorang mekanik yang mengaku salah mencabul seorang gadis selepas membantu mangsa yang dikejar anjing, pada 12 Oktober lalu.

Ly Vandy, 33, mengaku melakukan kesalahan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut fakta kes, kejadian berlaku pada jam 9.30 malam ketika mangsa yang berusia 14 tahun berjalan berseorangan sebelum ditegur tertuduh, namun remaja itu tidak mengendahkannya.

Bagaimanapun, mangsa dikejar anjing sebelum berlari meminta pertolongan dan secara kebetulan, tertuduh menyedari kejadian itu lalu menghulurkan bantuan dengan membawa mangsa menaiki motosikal.

Mangsa kemudian dibawa ke rumah tertuduh di sebuah kampung di Batu Pahat sebelum lelaki itu mengambil kesempatan mencabulnya, selain cuba merogol mangsa, namun tidak berjaya.

Mangsa berjaya keluar rumah itu pada jam 4 pagi dan meminta bantuan orang ramai.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, iaitu penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal dengan mengambil kira kesalahan dilakukan sangat serius dan faktor kepentingan awam.

"Dalam kes ini, pihak pendakwaan mendapati wajar dikenakan hukuman setimpal, apatah lagi dengan kes seksual membabitkan kanak-kanak semakin meningkat, terutama di Johor," katanya.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dipenjara lima tahun dan dua sebatan dengan hukuman itu dijalankan berkuat kuasa dari tarikh ditahan pada 13 Oktober lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NELAYAN DIPENJARA TIGA TAHUN, SATU SEBATAN CABUL ANAK SAUDARA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nelayan dipenjara tiga tahun, satu sebatan cabul anak saudara

**Muar:** Seorang nelayan Orang Asli dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas tuduhan mencabul anak saudaranya berusia lima tahun ketika kanak-kanak perempuan itu menonton persembahan kuda kepang di Rengit, Batu Pahat, minggu lalu.

Mengikut kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat, kejadian pada jam 10.30 malam, 10 Oktober lalu, ketika mangsa bersama ibu saudaranya menyaksikan persembahan itu.

Lelaki berkenaan didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Sejurus pertuduhan dibacakan, nelayan berusia 38 tahun itu yang diwakili Nor Hafizah Abdullah dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), membuat pengakuan bersalah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir yang memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal kerana mangsa masih kecil dan baru berusia lima tahun.

Selepas mengambil kira hujahan serta pengakuan bersalah, mahkamah menetapkan tertuduh dikenakan hukuman penjara tiga tahun dan satu sebatan, selain menjalani pengawasan polis selama setahun sebaik selesai menjalani hukuman.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SYOR PERKETAT, WAJIB SARING CALON PENGASUH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Sidang Dewan Rakyat

# Syor perketat, wajib saring calon pengasuh

## Tiga kementerian teliti langkah bagi kurangkan risiko penderaan kanak-kanak

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my



*Nancy pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Tiga agensi akan berbincang bagi meneliti cadangan untuk memperketat dan mewajibkan saringan tapisan keselamatan terhadap calon yang ingin bekerja sebagai pengasuh bagi mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, memaklumkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah kementeriannya akan berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Katanya, ia antara usaha kementerian dalam memperketat proses saringan pengambilan pengasuh di taska dan pusat jagaan bagi mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak ketika dalam penjagaan orang lain.

"Kita juga akan melihat calon pengasuh ini bersama pengusaha taska untuk menjalani ujian psikometrik," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai langkah yang diambil kementerian bagi mengurangkan kes dera kanak-kanak yang semakin meningkat di Malaysia dan bantuan yang akan diberi kepada kanak-kanak didera selepas mereka ditemui.

Katanya, kementerian sedang memperhalusi garis panduan untuk mewajibkan saringan ketat terhadap pengambilan pengasuh taska dan pusat jagaan kanak-kanak, selain memperkemaskan penguatkuasaan dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, 1 September lalu.

"Usaha ini dengan menempatkan pegawai yang akan fokus melaksanakan tugas pemantauan dan tindakan penguatkuasaan, khusus untuk pusat jagaan kanak-kanak dan taska sahaja.

"Ini akan dimulakan di 43 daerah yang dikenal pasti sebagai kawasan berisiko dan kita akan laksanakannya pada tahun ini juga. Selain itu, peraturan dan garis panduan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) diperketat di taska.

"Pengusaha perlu memastikan tiada titik buta dalam liputan CCTV, kecuali tempat privasi seperti bilik air dan tempat persalinan pakaian," katanya.

### Perlu pendekatan berbeza

Mengenai usaha mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak dalam penjagaan keluarga, beliau berkata, ia memerlukan pendekatan berbeza kerana meliputi pelbagai faktor lebih luas, melangkaui bidang kuasa dan kemampuan kementerian serta JKM, berbanding di pusat jagaan dan taska.

Justeru, Nancy menjelaskan, pihaknya merancang dan melaksana program bagi meningkatkan kesedaran seperti program kesedaran terhadap hukuman ke atas pendera kanak-kanak serta advokasi perlindungan golongan itu bagi memperkasa kanak-kanak dan memperkasa komuniti.

"Dalam hal ini, pendekatan kementerian dalam melindungi dan membantu kanak-kanak mangsa penderaan adalah dengan mengutamakan pemeliharaan berasaskan keluarga. Bagi kami, pembesaran di institusi adalah pilihan terakhir," katanya.

Menjawab soalan tambahan Dr Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun) mengenai aspek penguatkuasaan dan hukuman serta kerjasama jiran melaporkan kes penderaan, beliau berkata, ada tiga undang-undang diguna pakai bagi kes penderaan kanak-kanak.

"Ia adalah Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Antigangguan Seksual 2022 dan Kanun Keseksaan," katanya menambah aspek hukuman diserahkan kepada mahkamah kerana ada juga kes ibu bapa tertinggal anak dalam kereta kerana mungkin terlupa.

"Jadi, ia bergantung pada mahkamah bagaimana kes itu akan dipertimbang. Selain itu, ramai juga jiran memaklumkan (kes penderaan) kepada pihak berwajib. Apabila dimaklumkan, pelindung kita punya kuasa untuk ambil anak itu jika didapati tidak sesuai untuk ditinggalkan di situ," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2,162 KES KESALAHAN KANAK-KANAK DIDAFTAR DALAM TAHUN INI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2,162 kes kesalahan kanak-kanak didaftar dalam tahun ini

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 2,162 kes membabitkan kesalahan dalam kalangan kanak-kanak didaftarkan di Mahkamah Sesyen dan Majistret tahun ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said** berkata, kes didaftarkan antara 1 Januari hingga 30 September lalu itu membabitkan kesalahan dadah, jenayah seksual, kecurian dan rompak.



AZALINA

"Kes ini meliputi kesalahan dadah di bawah seksyen 12 dan 15 Akta 234, jenayah seksual (seksyen 354 dan 356 Akta 574) dan kesalahan curi atau rompak (seksyen 378, 380 dan 390 Akta 574).

"Daripada jumlah itu, 1,203 kes diberikan perintah di bawah seksyen 91 Akta 611 manakala baki 959 kes masih di peringkat sebutan atau pengurusan kes," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen Malaysia.

Beliau menjawab soalan **Young Syefura Othman (PH-Bentong)** berhubung statistik kesalahan jenayah kanak-kanak dan bilangan kes dijatuhkan hukuman tahun ini.

Katanya, sepanjang tempoh sama, enam kes membabitkan kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak didaftarkan di Mahkamah Tinggi.

"Kes itu meliputi kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), seksyen 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan seksyen 26J Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670).



YOUNG Syefura

"Daripada jumlah itu, satu kes diberikan perintah mengikut seksyen 91 Akta 611 manakala baki lima kes masih di peringkat sebutan atau pengurusan kes," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 31 BUDAK LAYAK SEMAK HUKUMAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

TAHANAN LIMPAH SULTAN

# 31 budak layak semak hukuman

**Oleh Mahaizura Abd Malik**
mahaizura@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Jabatan Penjara Malaysia merekodkan 31 pesalah kanak-kanak dikategorikan sebagai Tahanan Limpah Sultan (TLS) setakat 11 Oktober lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, semua tahanan layak membuat semakan hukuman melalui Laporan Empat Tahun Sekali (KHETS) di bawah Peraturan 54, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Menurutnya, TLS boleh mengemukakan petisyen kepada Lembaga Pengampunan Negeri di bawah Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

"Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertanggungjawab mengemukakan Laporan Lembaga Hakim Pelawat kepada Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri sekurang-kurangnya setahun sekali bagi permohonan pengampunan untuk TLS.

"Pada 13 Oktober lalu, satu mesyuarat dianjurkan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) bersama KDN, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Penjara Malaysia bagi meneliti perkara ini secara lanjut," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen Malaysia.

Beliau menjawab soalan Gobind Singh Deo (PH-Damansara) yang meminta Perdana Menteri menyatakan adakah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 dan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 terpakai kepada pesalah kanak-kanak yang dijatuhkan hukuman mengikut S97(2) Akta Kanak-Kanak 2001 dan sekiranya tidak terpakai, apakah langkah dan cadangan yang diambil bagi menyelaraskan perkara ini.

Mengulas lanjut, Azalina berkata, Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) berkuat kuasa pada 4 Julai lalu manakala Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 (Akta 847) berkuat kuasa 12 September lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CABUL LEPAS HULUR BANTUAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




TERTUDUH dijatuhkan hukuman penjara lima tahun serta dua sebatan.

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

# Cabul lepas hulur bantuan

## *Mekanik dijel 5 tahun mengaku bersalah cabul remaja minta tolong dikejar anjing*

**Muar**

Seorang mekanik dipenjara lima tahun serta dua sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tindakannya mencabul seorang remaja yang meminta tolong selepas dikejar anjing, Khamis lalu.

Tertuduh, Ly Vandy, 33, didakwa atas perbuatan jijik itu sebelum mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut fakta kes, kejadian berlaku pada jam 9.30 malam, 12 Oktober lalu ketika mangsa berusia 14 tahun berjalan berseorangan sebelum ditegur tertuduh. Bagaimanapun mangsa itu tidak mengendahkannya.

Namun mangsa dikejar anjing sebelum lari meminta pertolongan dan secara kebetulan, tertuduh menyedari kejadian itu lalu menghulurkan bantuan dengan membawa mangsa menunggang motosikal.

Mangsa dibawa ke rumah tertuduh di sebuah kampung di Batu Pahat sebelum lelaki itu mengambil kesempatan dengan melakukan perbuatan tidak senonoh.

Tertuduh cuba merogol mangsa namun tidak berjaya.

Mangsa akhirnya berjaya keluar dari rumah itu pada jam 4 pagi sebelum meminta bantuan orang ramai.

> “Pihak pendakwaan mendapati wajar dikenakan hukuman setimpal
> Danial

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal dengan mengambil kira kesalahan dilakukan sangat serius serta faktor kepentingan awam.

“Dalam kes ini, pihak pendakwaan mendapati wajar dikenakan hukuman setimpal apatah lagi dengan kes seksual membabitkan kanak-kanak semakin meningkat terutama di Johor,” hujahnya.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dipenjara lima tahun dan dua sebatan dengan hukuman itu dijalankan berkuatkuasa dari tarikh ditahan, 13 Oktober lalu.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURULATIH MENGAKU CABUL REMAJA KONON UBAT SIHIR | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



ZEMI diiringi anggota polis di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh.

# Jurulatih mengaku cabul remaja konon ubat sihir

**Melaka:** Seorang jurulatih muay thai mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam atas empat pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja, kononnya bagi mengubati sihir sejak September lalu.

Zemi Rahim, 50, membuat pengakuan itu sejurus dibacakan pertuduhan itu oleh jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut empat pertuduhan, tertuduh didapati melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 16 tahun dan dua bulan.

Perbuatan itu dilakukan di kawasan semak di Jalan Taman Malim Jaya dan perindustrian berdekatan sebuah pasar raya di Cheng masing-masing pada awal, pertengahan dan akhir September serta pada 9 Oktober lalu.

**» INFO**

*Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat, jika sabit kesalahan bagi setiap pertuduhan.*

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat jika sabit kesalahan bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah bagaimanapun menangguhkan prosiding fakta dan hukuman pada 3 November depan selepas dipohon Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim bagi menyediakan fakta kes.

Pendakwaan juga tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh yang tidak diwakili peguam bela.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NELAYAN CABUL ANAK SAUDARA DIJEL TIGA TAHUN, SATU SEBATAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nelayan cabul anak saudara dijel tiga tahun, satu sebatan

**Muar:** "Kamu tahu tak dalam kes ini kamu akan dipenjara? Hukumannya sehingga 20 tahun dan sebatan," demikian kata Hakim Abu Bakar Manat sebelum menjatuhkan hukuman penjara dan sebatan terhadap seorang nelayan yang mengaku bersalah mencabul anak saudaranya, minggu lalu.

Pengakuan itu dibuat tertuduh berusia 38 tahun yang juga Orang Asli sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap anak saudaranya berusia lima tahun ketika mangsa menyaksikan persembahan kuda kepang di Rengit, Batu Pahat.

Mengikut kertas pertuduhan, kejadian berlaku pada jam 10.30 malam, 10 Oktober lalu ketika mangsa bersama ibu saudaranya menyaksikan persembahan itu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh diwakili Nor Hafizah Abdullah dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Terdahulu pihak pendakwaan memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal dengan mengambil kira pelakuan tertuduh terhadap mangsa yang masih kecil dan baru berusia lima tahun.

Selepas mengambil kira hujahan serta pengakuan bersalah, mahkamah memutuskan tertuduh dipenjara tiga tahun dan satu sebatan.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama setahun sebaik selesai menjalani hukuman terbabit.



TERTUDUH dibawa keluar selepas dijatuhi hukuman penjara serta sebatan kerana mencabul anak saudaranya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENDERAAN IBARAT SATU PENYAKIT | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penderaan ibarat satu penyakit

**Kuala Lumpur:** Penderaan boleh diibaratkan sebagai satu bentuk penyakit terutamanya bagi ibu bapa hingga tidak dapat mengawal perasaan dan bertindak di luar kawalan.

Ada juga pelaku yang terbabit dalam kes penderaan pernah menjadi mangsa dera sebelumnya.

Pakar psikologi, Dr Ahmad Ilham berkata, bagi pasangan ibu bapa kebanyakan kes berlaku bermula dari sikap suami panas baran.

Menurutnya, si suami melepaskan amarahnya kepada isterinya sebelum si ibu melampiaskan kepada anaknya.

"Ada juga yang berpendapat, memukul anak itu adalah satu bentuk hukuman biasa sahaja bagi membentuk tingkah laku anak mereka," katanya.

TAJUK : SARING KETAT PENGAMBILAN PENGASUH TASKA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Saringan ketat pengambilan pengasuh taska

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang memperhalusi garis panduan untuk mewajibkan saringan ketat terhadap pengambilan pengasuh taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, inisiatif itu antara penambahbaikan digariskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak dalam penjagaan orang luar selain keluarga.

"Untuk perketatkan proses saringan dalam pengambilan pengasuh di taska dan pusat jagaan, JKM akan berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meneroka cadangan mewajibkan saringan tapisan terhadap calon yang ingin bekerja sebagai pengasuh.

"Kita juga akan melihat calon pengasuh ini dan pengusaha taska supaya dikehendaki menjalani ujian psikometrik," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai langkah diambil kementerian itu bagi mengurangkan kes penderaan kanak-kanak dan bantuan diberikan kepada mangsa.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, pasukan penguatkuasa juga diperkemaskan dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, 1 September lalu.

"Di bawah insiatif ini, usaha menyusun semula penempatan pegawai di setiap daerah untuk pemantauan dan tindakan penguatkuasaan khusus untuk pusat jagaan dan taska saja.

"Buat masa ini, pegawai ditempatkan di 43 daerah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko yang kita akan laksanakan tahun ini juga.

"Selain itu, langkah lain kita ialah perketatkan garis panduan pemasangan kemera litar tertutup (CCTV) di taska," katanya.

Katanya, usaha mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak dalam jagaan komuniti atau keluarga memerlukan pendekatan berbeza dan lebih luas melangkaui bidang kuasa kementerian dan JKM, namun antara langkah dilakukan termasuk memperluaskan program kesedaran terutama aspek hukuman kepada pendera golongan itu.

"Kita perkasakan dan libatkan komuniti dalam program seperti satu diari untuk komuniti dan peranan mereka tahu ke saluran mana berhubung jika ada kes di kawasan mereka.

"Selain itu, kita sudah mulakan program advokasi kepada kanak-kanak sendiri di sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan," katanya.



NANCY ketika menjawab soalan pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI TIDAK LAGI ROMANTIK! | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


ANTARA FAKTOR PENCERAIAN DI PERLIS

# Suami tidak lagi romantik!

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

**Kangar**

Kehadiran 'orang ketiga' dalam rumah tangga, suami tidak romantik dan isteri meluahkan permasalahan rumah tangga di media sosial antara faktor moden membawa kepada penceraian di Perlis.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs), Muhammad Hafeez Abu Seman berkata, purata sekitar 1,000 fail kes baru penceraian dibuka JAIPs setiap tahun.

"Peningkatan ini memang berlaku setiap tahun dan bukan sahaja di Perlis tetapi di negeri lain juga. Kita buka fail penceraian baru secara purata sebanyak 1,000 kes setahun.

"Jika dahulu, kita lihat penceraian di Perlis ini banyak dipengaruhi faktor tradisi seperti suami tidak beri nafkah atau suami terbabit dalam gejala penagihan ketum atau najis dadah.

"Namun mutakhir ini punca penceraian dan permasalahannya agak kompleks termasuk kehadiran 'orang ketiga' dalam rumahtangga.

"Selain itu faktor suami tidak romantik dan isteri luah masalah di media sosial juga akhirnya menyebabkan institusi kekeluargaan yang dibina itu akhirnya runtuh yang meningkatkan lagi kepada masalah penceraian di Perlis," katanya selepas Muzakarah Penolong Pendaftar Perkahwinan Orang Islam Negeri Perlis Tahun 2023 dengan tema Orang Ketiga di Kelab Golf Putra, Sungai Batu Pahat di sini, semalam.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Yusran Shah Mohd Yusof.

Katanya, dalam mengatasi masalah ini seharusnya suami dan isteri mengetahui tanggungjawab masing-masing kerana segala perbuatan dan perlakuan dalam rumah tangga ini akan disoal kelak di akhirat.



PENOLONG pendaftar perkahwinan yang menerima tauliah, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIDUR SERUMAH DENGAN KEKASIH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



PEGAWAI penguat kuasa PADK melakukan pemeriksaan dalam sebuah rumah di Taman Mutiara, Sungai Kob, Karangan dan menahan pasangan disyaki berkhalwat.

# Tidur serumah dengan kekasih

## *Lelaki beri alasan menumpang di rumah teman wanita lebih dekat ke tempat kerja*

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Kulim**

Seorang lelaki memberi alasan menumpang tidur di rumah teman wanitanya bagi memudahkan dia pergi dan pulang dari kerja di tapak pesta ria *(fun fair)* berhampiran.

Dia memberi alasan itu ketika dicekup berkhalwat oleh sepasukan anggota penguat kuasa dari Pejabat Agama Daerah Kulim (PADK), awal pagi semalam.

Pegawai Penguatkuasa Agama Daerah Kulim, Anwar Sharifudin Mat Saad berkata, pihaknya menerima aduan awam berhubung kegiatan maksiat di sebuah rumah Taman Mutiara, Sungai Kob di Karangan di sini, jam 12.13 tengah malam.

Beliau berkata, pegawai PADK, Azwan Azman yang mengetuai pemeriksaan mengetuk pintu serta memberi salam sebelum seorang wanita membuka pintu dan membenarkan pemeriksaan dilakukan di dalam rumah berkenaan.

"Kami menemui seorang lelaki berada dalam bilik kedua rumah itu. Hasil soal siasat mendapati, kedua-duanya bukan pasangan suami isteri atau mahram dan tidur di bilik sama sehingga menimbulkan syak berlaku maksiat.

"Wanita dan pasangannya masing-masing berusia 23 tahun itu belum berkahwin," katanya.

Anwar berkata, kedua-dua mereka bekerja di tapak pesta ria *(fun fair)* di taman perumahan itu dan lelaki terbabit menetap di Sungai Ular di sini.

Katanya, lelaki itu memberi alasan rumahnya jauh dari tempat kerja menyebabkan dia mengambil peluang menumpang di rumah wanita itu.

"Mereka ditahan mengikut Seksyen 25 (a)(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah 2014 kerana disyaki berkhalwat dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

"Pasangan itu dibawa ke Balai Polis Sungai Kob untuk dibuat laporan tangkapan sebelum diambil keterangan," katanya.

**"Kami menemui seorang lelaki berada dalam bilik kedua rumah itu. Hasil soal siasat mendapati, kedua-duanya bukan pasangan suami isteri atau mahram dan tidur di bilik sama sehingga menimbulkan syak berlaku maksiat"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MAUT KERETA TERPUTUS 2 | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 20 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita maut kereta terputus 2

**Baling:** Seorang wanita maut sejurus kereta dipandunya terputus dua sejurus terbabit kemalangan dengan sebuah pacuan empat roda di Jalan Kampung Bukit Pak Kuning, Kuala Ketil di sini, kelmarin.

Mangsa, Farah Nabihan Mohamad, 37, penyelia dewan makan Maktab Mahmud Baling meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Shamsudin Mamat, berkata pihaknya menerima maklumat kemalangan itu pada jam 5 petang dan pacuan empat roda yang dipandu lelaki berusia 57 tahun dari arah Kuala Ketil menghala ke Parit Panjang.

"Sebaik tiba di tempat kejadian, kereta dipandu mangsa dari arah bertentangan dipercayai hilang kawalan lalu, masuk ke laluan pacuan empat roda dalam kedudukan melintang," katanya.

